



AKTA SYARIKAT 2016: ARAHAN AMALAN BIL. 2/2017 (DISEMAK SEMULA)

## **NOTIFIKASI PERUBAHAN ALAMAT PERNIAGAAN (TERMASUK CAWANGAN) DAN/ATAU JENIS PERNIAGAAN**

---

Arahan Amalan ini dikeluarkan menurut seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan seksyen 610 Akta Syarikat 2016.

### **TUJUAN**

1. Arahan Amalan ini bertujuan untuk menjelaskan mekanisme bagi notifikasi perubahan alamat perniagaan (termasuk cawangan) dan/atau jenis perniagaan suatu syarikat berkaitan apa-apa perubahan yang dibuat selepas pemerbadanan syarikat di bawah seksyen 14(3)(c) atau sepanjang tahun kalendar, di mana terpakai.

### **LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini, syarikat yang berhasrat untuk mengubah alamat perniagaan (termasuk cawangan) dan/atau jenis hanya boleh memaklumkan kepada SSM perubahan tersebut melalui penyerahsimpanan Penyata Tahunan.

3. Walau apa pun, SSM menyedari keperluan dan kesegeraan maklumat berkaitan perubahan kepada alamat perniagaan (termasuk cawangan) dan/atau jenis perniagaan dan dinyatakan sebagai sebahagian daripada profil syarikat yang merupakan keperluan beberapa pihak berkuasa lain.

#### **PENYERAHSIMPANAN NOTIFIKASI PERUBAHAN ALAMAT PERNIAGAAN (TERMASUK CAWANGAN) DAN/ATAU JENIS PERNIAGAAN**

4. Jika syarikat telah memutuskan untuk mengubah alamat perniagaan (termasuk cawangan) atau jenis perniagaannya, syarikat itu dikehendaki memaklumkan kepada SSM dalam tempoh 14 hari dari tarikh perubahan tersebut.

5. Walau apa pun perenggan 4, sebuah syarikat berhad menurut jaminan tidak dibenarkan untuk menukar jenis perniagaannya kecuali jika dilakukan melalui suatu pindaan kepada perlembagaannya.

6. Sebuah syarikat tidak dibenarkan untuk menyatakan jenis perniagaan sebagai "DORMANT" kerana jenis perniagaan sebuah syarikat perlu mencerminkan jenis aktiviti perniagaan yang didaftarkan oleh syarikat itu. Oleh itu, *dormant* hanyalah status sebuah syarikat yang digambarkan di dalam penyata kewangannya dan bukan jenis perniagaan untuk sebuah syarikat.

7. Notifikasi tersebut hendaklah dalam bentuk dan cara yang dinyatakan dalam Jadual B Arahan Amalan 1/2017.

#### **KESAN ARAHAN AMALAN**

8. Arahan Amalan ini menggantikan Arahan Amalan 2/2017 yang telah dikeluarkan pada 18 April 2017 dan Pindaan Arahan Amalan 2/2017 yang telah dikeluarkan pada 10 Julai 2018.

#### **PENDAFTAR SYARIKAT**

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

**3 Disember 2018**